

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 JANUARI 2018 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	'No traces of dangerous pollutants found in blue river'	New Straits Times
2.	Hasten 'blue river' analysis, dept urged	The Star
3.	Kes 'sungai biru' : Tiada hidupan air mati	Berita Harian Online
4.	Jangan bimbang, ikan selamat	My Metro

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NEWS) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 25 JANUARI 2018 (KHAMIS)

'No traces of dangerous pollutants found in blue river'

SEREMBAN: No fish or any other wildlife has died at Sungai Simin near Taman Tuanku Jaafar Industrial Park in Senawang, which turned blue on Monday.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan said the state Department of Environment (DoE) conducted checks at the river and found no traces of pollutants which could endanger humans and wildlife.

"The DoE found no traces of contaminants which can kill fish or other animals. The department, however, is waiting for results from the Chemistry Department to determine why the river turned blue," he said after chairing the state's weekly exco meeting.

He added the state government

was disappointed with the irresponsible action of the plastic factory and hope action would be taken against the factory owner if the Chemistry Department's test result revealed the river contained hazardous materials.

The DoE issued a stop-work order to the factory owner after receiving complaints about the condition of Sungai Simin.

It was reported that a blue substance affected an 8km stretch of the river.

Its director, Norhazni Mat Sari, said a team was dispatched following public complaints.

Further investigation revealed that the river turned blue due to plastic washing which had been contaminated with dye at the factory.



Datuk Seri
Mohamad
Hasan



An 8km stretch of Sungai Simin near Seremban turned blue on Monday. PIC COURTESY OF DEPARTMENT OF ENVIRONMENT

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 25 JANUARI 2018 (KHAMIS)

Hasten 'blue river' analysis, dept urged

SEREMBAN: The Chemistry Department was asked to speed up analysis of the bluish liquid found in a stretch of Sg Simin near here.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan said the authorities needed to know if any damage has been done to the environment and riverine life.

A factory involved in recycling plastic items at the Senawang Light Industrial Park had allegedly released the effluent into the river on Monday, causing the water to turn blue.

"Although the Department of Environment (DOE) has taken measures to clean up the river, we need to know what was in the effluent discharged by the factory.

"We also want the department to

take appropriate action against the perpetrator as we view this very seriously," Mohamad said.

Investigations by the DOE revealed that factory workers had washed a consignment of recycled plastic items, producing the bluish run-off.

Netizens who were shocked to see a blue Sg Simin on Monday afternoon posted pictures and video clips that caused great concern among the public.

Mohamad expressed hope that the DOE would take stern action against the operator if the contents of the effluent were hazardous.

It was fortunate that Sg Simin was not a water catchment source for drinking water, he added.

On a separate matter, Mohamad

said the state administration had agreed to develop a 23ha park near the proposed high speed rail (HSR) station in the Labu-Entek area near here.

He said the park, which would be opened in 2020, will have a mini-stadium as well as recreational and sports facilities, including provisions for a 40,000-seat stadium.

"We plan to grow huge trees, like you see in parks in some developed countries, at the park.

"We decided on the new park after weighing input from young people at Transformasi Nasional 2050 dialogues who said they needed more green and open spaces," he said, adding that the park will also have five football fields and three rugby fields for a start.



A case of the blues:
A stretch of Sg Simin flowing cobalt blue after effluents were released from the factory.

**BERITA ONLINE
BHARIAN.COM.MY
TARIKH: 25 JANUARI 2018 (KHAMIS)**



DATUK Seri Mohamad Hasan.- Foto Hazreen Mohamad

Kes 'sungai biru': Tiada hidupan air mati

SEREMBAN: Pemeriksaan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di Sungai Simin di Taman Tuanku Ja'afar, Senawang di sini, yang bertukar menjadi biru kelmarin, mendapati hidupan air di kawasan itu tidak terjejas.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata JAS yang membuat pemantauan di sungai itu setiap hari, tidak mengesan sebarang tanda menunjukkan ikan serta hidupan lain mati akibat pelepasan bahan pewarna ke dalam sungai berkenaan.

"Sehingga pagi tadi, JAS memaklumkan tidak melihat tanda yang menunjukkan bahan pewarna yang mencemari sungai itu boleh membunuh hidupan air di sungai berkenaan.

"Bagaimanapun, JAS masih menunggu keputusan ujian Jabatan Kimia terhadap sampel yang diambil bagi menentukan kandungan sebenar bahan yang mencemarkan sungai berkenaan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat EXCO, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri kesal dengan tindakan cuai dan tidak bertanggungjawab seperti itu dan berharap JAS akan mendakwa pemilik kilang terbabit ke mahkamah jika ujian mendapati bahan dilepaskan ke sungai ada unsur memudaratkan.

BH hari ni melaporkan, aktiviti mencuci bahan plastik dicemari dengan pewarna di sebuah kilang menjadi punca sebahagian air longkang dan sungai di Kawasan Perindustrian Kecil Taman Tuanku Ja'afar, bertukar menjadi biru, kelmarin.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, kerajaan negeri meluluskan cadangan membina sebuah kawasan lapang dan riadah seluas 23 hektar di Labu yang dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun.

Katanya, taman itu antara lain akan dilengkapi lima padang bola sepak, tiga padang ragbi, stadium mini, kemudahan trek olahraga, gelanggang papan selaju selain sebuah kawasan lapang dihiasi landskap pokok besar untuk aktiviti riadah berkeluarga.

Selain itu, beliau berkata, turut disediakan ruang untuk pembangunan stadium berkapasiti sehingga 40,000 orang di kawasan itu yang boleh dibangunkan dalam tempoh 10 hingga 15 tahun lagi.

"Kita memberi perhatian terhadap permintaan golongan muda yang mahu kemudahan seperti ini diperbanyakkan dan kita akui kawasan lapang seperti ini baik untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat.

"Kawasan ini akan dibangunkan melalui inisiatif pembiayaan swasta dan mungkin kita akan benarkan pihak swasta yang terbabit menguruskannya selama 10 tahun sebelum diambil alih oleh kerajaan," katanya.



Jangan bimbang, ikan selamat



PEMERIKSAAN Jabatan Alam Sekitar (JAS) di Sungai Simin di Taman Tuanku Ja'afar (HTJ), Seremban yang bertukar menjadi biru kelmarin mendapati tiada hidupan air terjejas.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, kakitangan jabatan terbabit yang membuat pemantauan tidak mengesan sebarang tanda yang menunjukkan ikan serta hidupan lain mati akibat pelepasan bahan pewarna ke sungai.

Katanya, beliau diberitahu bahan pewarna yang mencemari sungai itu tidak boleh membunuh hidupan air.

"Bagaimanapun, jabatan masih menunggu keputusan ujian oleh **Jabatan Kimia** terhadap sampel yang diambil bagi menentukan kandungan sebenar bahan pewarna terbabit," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Seremban, hari ini.

Mohamad pada masa sama kesal atas kejadian dan berharap JAS akan mengheret pemilik kilang ke mahkamah, jika bahan yang dilepaskan ke sungai memudaratkan.

Harian Metro hari ini melaporkan aktiviti mencuci bahan plastik dicemari pewarna di sebuah kilang menjadi punca air longkang dan sungai di Kawasan Perindustrian Kecil Taman Tuanku Ja'afar, Senawang bertukar menjadi biru, kelmarin.